

11 SEP 2003

Media-Ancaman

USAH TUNDUK KEPADA UGUTAN MEDIA BARAT, KATA ZAINUDDIN

SHAH ALAM, 11 Sept (Bernama) -- Pemimpin Malaysia tidak perlu tunduk pada ugutan media asing yang mahu memburukkan negara kerana mereka telah kehilangan kredibiliti di mata pembaca, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau berkata media asing hilang kredibiliti terutama di kalangan orang Asia ekoran perang Iraq dan pembohongan kuasa besar dalam isu Iraq.

"Jangan peduli. Mengapa kita nak kisah sangat, media asing ini sudah tidak ada kredibiliti," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Festival Filem Pelajar Malaysia 2003 di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa beliau telah diugut oleh majalah antarabangsa Business Week yang mengancam untuk menulis laporan memburuk-burukkan Malaysia dan kepimpinannya apabila enggan ditemubual.

Zainuddin berkata sekiranya media asing mahu memburukkan kepimpinan Dr Mahathir, laporan mereka tidak akan dipercayai oleh rakyat Malaysia.

Beliau berkata laporan pembohongan mereka mungkin hanya boleh dipercayai oleh orang luar atau orang Malaysia yang telah menjadi "dog of hyper-power".

Malaysia sentiasa bersikap terbuka terhadap media asing walaupun mereka tidak mengamalkan sikap mesra pada negara.

Sementara itu di KULIM, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata tindakan majalah Business Week itu adalah usaha memperlekehkan Malaysia yang mendapat penghargaan di mata dunia.

Sambil menyatakan sokongan MIC terhadap pendirian Dr Mahathir enggan di ditemubual itu, beliau berkata ketegasan Perdana Menteri selama ini menjadikan negara ini dipandang tinggi oleh negara lain.

"Dr Mahathir bukanlah seorang pemimpin yang mudah tunduk kepada ugutan kerana pengalamannya menerajui negara selama lebih 20 tahun membuktikan bahawa beliau tegas dengan pendiriannya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Dewan Hindu Sabha, hari ini.

-- BERNAMA

AP DC PR